

## **WARGA EMAS DAN PILIHAN PENEMPATAN DI PUSAT JAGAAN HARIAN**

*(Older Persons And The Choice For Placement At Daily Care Center)*

Azura Tamat & Suresh Kumar N Vellymalay

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor pendorong penempatan warga emas di pusat jagaan harian dan kelebihan yang diperoleh oleh golongan ini setelah tinggal di situ. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kepuasan warga emas terhadap pusat jagaan harian dalam menjalani rutin sehari-hari. Seramai dua puluh lima orang warga emas yang terdiri daripada wanita dan beragama Islam di pusat jagaan Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan, Seremban, Negeri Sembilan dipilih sebagai sampel dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Temu bual berstruktur berbantuan borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada warga emas yang dikaji. Hasil kajian mendapat bahawa kesunyian tinggal di rumah, jaminan keselamatan dan pilihan sendiri untuk tinggal di pusat jagaan harian merupakan tiga faktor utama yang mendorong warga emas memilih untuk ditempatkan di pusat jagaan Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan. Hasil kajian juga mendapat bahawa kemudahan menuntut ilmu agama dan beribadah, aktiviti-aktiviti yang efektif, peluang persahabatan, jaminan keselamatan dan jaminan kesihatan merupakan kelebihan yang diperoleh oleh warga emas di tempat ini. Warga emas berasa lebih tenang, dapat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang berfaedah dan menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan bagi memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan memainkan peranan yang penting dalam menyediakan sokongan sosial yang amat diperlukan dalam kehidupan warga emas beragama Islam yang ditempatkan di pusat jagaan harian ini.

**Kata kunci:** Warga emas, pusat jagaan harian, kelebihan, kepuasan, kerohanian.

### **ABSTRACT**

This study explores the factors that contribute to the placement of older persons in day care center and the benefits gained by them in being placed there. Moreover, this study also attempt to identify older persons' acceptance towards the day care in attaining their daily lives. The sample consists of twenty five older persons at Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan day care in Seremban, Negeri Sembilan who were female and Muslims by religion and, they were chosen using purposive sampling method. Structured interview with a guided questionnaire was used to obtain information from the older persons studied. The findings of this study show that the feelings of loneliness being at home, confirmation of safety and own choice of preference for placement in day care are three main factors that contribute to the choice of placement at Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan by the older persons themselves. The findings also show that the facilities provided for gaining religious knowledge and for prayers, effective activities, friendship opportunities, safety and health care are the benefits gained by the older persons in this day care. They feel calm, could involve in various activities which benefits them and they enjoy various facilities made

available to meet their needs. Therefore, Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan plays an important role in providing social support which is vitally important in the lives of Muslim older persons who are being placed in this day care center.

**Keywords:** Older persons, day care, benefits, satisfaction, spirituality.

## PENGENALAN

Menurut United Nations (2009), bilangan warga emas iaitu golongan yang berumur 60 tahun atau lebih telah meningkat dengan ketara dan bilangan ini dijangka akan melebihi bilangan kanak-kanak buat kali pertama pada tahun 2045 di peringkat dunia. United Nation (2009) juga menyatakan bahawa jumlah warga emas berumur 60 tahun dan ke atas di dunia pada tahun 2000 adalah berjumlah 600 million (iaitu 3 kali ganda berbanding tahun 1950) dan mencapai 700 million pada tahun 2009 dan menjelang 2050 dijangka 2 billion warga emas akan hidup.

Jika dilihat secara lebih khusus, pertambahan populasi warga emas semakin meningkat di negara membangun berbanding negara maju (United Nations, 2009). Hal ini dapat dikaitkan dengan transisi demografi yang digambarkan oleh negara membangun melalui kadar fertiliti dan mortaliti (Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee, 2013). Sehubungan itu, Malaysia juga tidak terkecuali daripada arus perubahan ini. Berdasarkan Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (2016), bilangan warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas di Malaysia pada tahun 1980 adalah berjumlah 745 100 orang dan meningkat kepada 1 032 200 orang pada tahun 1991. Angka ini terus meningkat kepada 1 398 400 pada tahun 2000. Pada tahun 2010 pula, bilangan warga emas adalah 2 248 600 orang. Angka ini dijangka akan terus meningkat kepada 3 749 100 orang pada tahun 2020 (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2016).

Peningkatan kualiti hidup hasil kemajuan kesihatan yang dicapai oleh negara merupakan penyumbang utama kepada pertambahan warga emas di negara ini (Asnarulkhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, Abd. Halin Hamid, Ma'rof Redzuan, Mohamad Fazdillah Bagat & Amna Md Noor, 2008). Hal ini ditambah pula dengan perubahan gaya hidup dan juga kepesatan perkembangan ekonomi negara yang mempengaruhi kualiti hidup warga emas (Abdul Aziz Jemain, Lukman Z. Mohamad & Wan Norsiah Mohamed, 2001). Walaupun situasi ini merupakan suatu yang perlu dibanggakan namun selaras peningkatan warga emas maka ia turut memberi kesan jaminan sosial mereka di hari tua.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam menentukan kesejahteraan hidup golongan ini di hari tua, anak merupakan orang yang paling diharapkan oleh warga emas. Namun, kes pengabaian ibu bapa oleh anak tetap tidak dapat dielakkan. Dewasa ini, perubahan struktur keluarga daripada keluarga luas kepada keluarga nuklear seakan-akan telah memberi satu pengasingan fizikal antara ibu bapa dan anak. Malah, anak pada masa kini pula mengalami pelbagai batasan peranan menyebabkan mereka gagal memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa di hari tua dengan sempurna. Hal ini menyebabkan sesetengah daripada warga emas tidak mempunyai pilihan dan terpaksa menghuni pusat jagaan orang tua. Begitu juga dengan nasib warga emas yang tidak pernah berkahwin dan warga emas yang berkahwin tetapi tidak mempunyai anak di mana tanpa sokongan di hari tua mereka terpaksa menuju ke pusat jagaan orang tua.

Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015) sendiri menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 1585 penghuni ditempatkan di sembilan buah Rumah Seri Kenangan yang terdapat di seluruh Malaysia dan 217 penghuni di Rumah Ehsan dalam usaha menjamin kesejahteraan warga emas di hari tua.

Ekoran daripada dilema penjagaan warga emas, banyak pusat jagaan harian swasta berbayar telah dibangunkan bagi keperluan penjagaan warga emas. Pusat jagaan harian ini bukan sahaja menawarkan perkhidmatan dalam bentuk harian malah terdapat juga pusat jagaan harian yang memperluaskan perkhidmatan penjagaan warga emas kepada bentuk mingguan dan juga bulanan. Kadar bayaran yang dikenakan bergantung kepada jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh pusat jagaan dan jenis perkhidmatan yang diperlukan oleh warga emas. Pusat-pusat jagaan yang dikendalikan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan aktiviti harian bagi memenuhi keperluan warga emas. Penubuhan pusat penjagaan harian berbayar bagi warga emas juga dilihat sebagai satu langkah yang efektif bagi mengatasi masalah pengabaian warga emas di hari tua oleh anak dewasa.

Penubuhan pusat-pusat jagaan harian berbayar milik swasta menyediakan kemudahan kepada golongan anak dewasa untuk menempatkan warga emas di pusat jagaan harian sementara keluar bekerja. Walaupun penempatan warga emas di pusat jagaan harian adakalanya memerlukan kos yang tinggi namun anak dewasa beranggapan bahawa kehidupan warga emas adalah lebih selesa dan selamat berbanding berada sendirian di rumah. Pada masa yang sama, pemilihan pusat jagaan harian tertentu yang difikirkan bersesuaian dengan keperluan warga emas merupakan antara kriteria utama yang dipentingkan oleh anak dewasa dalam menempatkan warga emas. Dalam aspek ini, penekanan terhadap pusat jagaan harian lebih menjurus kepada aspek tanggungjawab anak dewasa dalam menjamin kesejahteraan hidup warga emas.

Walau bagaimanapun, terdapat juga warga emas yang tidak ingin membebangkan anak dewasa kerana memahami batasan peranan yang dihadapi oleh anak dewasa. Sehubungan dengan itu, warga emas memilih sendiri untuk menempatkan diri di pusat jagaan harian berbayar milik swasta tertentu di samping menanggung kos bayaran sendiri. Pemilihan pusat jagaan harian tersebut bergantung kepada keperluan peribadi dan juga keselesaan yang bakal diterima daripada pusat jagaan harian tersebut dalam menjamin penjagaan dan perlindungan terhadap warga emas. Dalam hal ini, setiap pusat jagaan mempunyai kedinamikan tersendiri. Oleh itu, warga emas bebas memilih pusat jagaan harian yang dirasakan sesuai dengan keinginan mereka di samping dapat memenuhi keperluan mereka dari segi penjagaan dan perlindungan mereka.

## **KAJIAN LEPAS**

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia sedang berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat proses penuaan penduduk (Rahimah Abdul Aziz, 2001). Peningkatan dalam bilangan warga emas di Malaysia memberi implikasi yang tinggi ke atas kualiti hidup golongan ini di hari tua (Khadijah Alavi & Rahim M. Sail, 2010; Asnarulhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, Abd. Halin Hamid, Ma'rof Redzuan, Mohamad Fazdillah Bagat & Amna Md Noor, 2008). Dilema penjagaan warga emas dilihat sebagai satu permasalahan yang besar apabila anak dewasa berhadapan dengan batasan peranan dan menghadapi kesukaran untuk menjaga warga emas. Kajian Khadijah Alavi & Rahim M. Sail (2010) mendapati bahawa pada masa kini bebanan anak dewasa untuk memikul tanggungjawab menjaga ibu bapa semakin tinggi dan disebabkan oleh pengecilan saiz keluarga serta perubahan dalam penjagaan kesihatan dan perkhidmatan. Kegagalan anak dewasa dalam memikul tanggungjawab menjaga warga emas dan sikap lepas tangan menyebabkan ramai warga

emas terabai tanpa penjagaan dan perlindungan yang baik. Keadaan ini telah menyebabkan segelintir warga emas terpaksa menjadi penghuni di pusat-pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak kerajaan mahupun swasta.

Apa yang jelas di sini adalah warga emas pada usia tua memerlukan sokongan fizikal, sosial dan juga ekonomi bagi menjamin kualiti hidup di hari tua (Usman Yaakob, 2001). Kajian Asnarulhadi Abu Samah, et al. (2008) mendapati warga emas memerlukan kedua-dua sokongan iaitu sokongan fizikal dan juga sokongan bukan fizikal. Kajian tersebut mendapati ziarah, kewangan dan kasih sayang sebagai tiga sokongan yang amat diperlukan oleh warga emas daripada ahli keluarga. Kajian tersebut juga mendapati bahawa 50.4% warga emas mengharapkan anak sebagai orang utama dalam memberi sokongan yang diperlukan oleh mereka. Tambahan lagi, keperluan menampung perbelanjaan harian untuk sara hidup selain faktor kesihatan akibat uzur merupakan penyebab utama sokongan amat diharapkan daripada keluarga sendiri.

Dalam membincangkan isu penjagaan warga emas, golongan ini amat mengharapkan agar anak-anak dapat menjaga di hari tua. Kajian Wook Endut & Fariza Ahmad (2009) ke atas 433 responden berumur 40 tahun dan ke atas mendapati bahawa majoriti responden yang dikaji memilih untuk tinggal bersama anak di hari tua. Hanya peratusan yang kecil memilih untuk tinggal di pusat penjagaan awam atau swasta selain untuk tinggal sendiri. Namun demikian, tidak semua anak yang dapat memberi sokongan kepada ibu bapa mereka pada usia tua menyebabkan warga emas terpaksa mendapatkan bantuan daripada saudara-mara dan juga jiran. Kajian Norisma Aiza, Nurizan Yahya & Tengku Aizan (2008) mendapati majoriti warga emas wanita yang dikaji memperoleh sokongan daripada saudara-mara dan jiran selain anak dan sokongan tersebut pula bergantung kepada umur, taraf perkahwinan dan bilangan anak dalam keluarga.

Kegagalan anak dewasa untuk menjaga warga emas dengan sempurna menyebabkan mereka terabai tanpa penjagaan berkesan; yang mampu menjamin kesejahteraan hidup warga emas di hari tua. Kajian Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani (2015) mendapati kurangnya perhatian dan penjagaan personal menyebabkan warga emas kehilangan kasih sayang bagi mencapai kesejahteraan di hari tua. Begitu juga dengan pengabaian emosi yang memberi kesan ke atas perasaan ibu bapa di hari tua. Selain itu, warga emas turut mengalami pengabaian kewangan dan material dari segi pemberian sara hidup malah terdapat juga anak yang meminjam wang daripada warga emas. Kajian Noraini Che' Sharif, et al.(2015) turut mendapati faktor kerjaya dan lokasi tempat tinggal, jurang komunikasi antara ibu bapa dan anak, ketidakpercayaan warga emas bahawa anak boleh menjaga mereka, karenah warga emas,kekangan kewangan anak dan taraf kesihatan warga emas menyumbang kepada pengabaian warga emas oleh anak. Kajian Zainon Ghazaley & Azlinda Azman (2013) terhadap warga emas di Cheras mendapati bahawa kurangnya interaksi dan komunikasi daripada ahli keluarga memberi kesan ke atas kesejahteraan sosial warga emas. Golongan ini tidak dapat merasakan kasih sayang dan hilang rasa dipunyai lalu menyebabkan penyisihan, kesunyian dan kebosanan dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Kegagalan anak dewasa untuk menjaga warga emas juga menyebabkan warga emas ditempatkan di pusat jagaan warga emas; tidak kira pusat jagaan yang dikendalikan oleh kerajaan mahupun swasta. Dalam hal ini, pelbagai faktor dapat dikaitkan dengan penempatan warga emas di pusat-pusat jagaan. Menurut Surina Nayan (2006), faktor kerjaya anak, anggapan ibu bapa sebagai beban, pengejaran materialistik, kurangnya nilai agama, ketiadaan pendedahan kepada anak tentang keperluan menghargai warga emas, nikmat kesenangan hidup oleh anak merupakan antara faktor utama pengabaian terhadap warga emas berlaku. Kajian Thamil Chelvi & Suresh Kumar (2017) mendapati bahawa

beberapa faktor seperti ketidakmampuan saudara terdekat serta ahli keluarga untuk menjaga warga emas, masalah kesihatan warga emas selainkekangan kewangan yang dihadapi oleh warga emas dan sikap tidak mahu membebankan ahli keluarga untuk menjaga mereka mempengaruhi penempatan warga emas di Rumah Seri Kenangan.

Selain itu, kegagalan warga emas untuk berdikari dan melakukan aktiviti harian memberi kesan ke atas kesejahteraan hidup selain mengakibatkan mereka bergantung kepada anak (Arena Che Kasim & Shukriah Che Kasim, 2001). Namun demikian, kegagalan anak untuk menjaga warga emas menyebabkan golongan ini terpaksa ditempatkan di pusat-pusat jagaan. Hal ini amat dipengaruhi oleh tempoh penjagaan warga emas oleh anak dewasa. Menurut kajian Khadijah Alavi & Rahim M. Sail (2010), tempoh penjagaan warga emas adalah bergantung kepada kesihatan penjaga dan ibu bapa, tekanan kewangan, kekangan personal dan tekanan emosi anak dewasa terhadap soal penjagaan warga emas. Tambahan lagi, turut terdapat dalam kalangan warga emas ini yang ditempatkan di pusat jagaan atas paksaan ahli keluarga. Kajian Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee (2013) mendapati sebanyak satu per empat warga emas yang dikaji menyatakan bahawa mereka dipaksa oleh anak untuk menghuni Rumah Warga Tua. Walau bagaimanapun, terdapat juga warga emas yang memilih untuk tinggal di pusat penjagaan yang bertindak sebagai pusat pengajian. Misalnya, kajian Nor Raudah Siren (2015) mendapati bahawa warga emas memilih untuk tinggal di Kompleks Warga Emas al-Jenderami bertujuan melaksanakan ibadat sebagai bekalan akhirat, mendalamai ilmu agama dan tempat tinggal yang dirasakan kondusif bersama komuniti rakan sebaya.

Dari satu sudut, penempatan warga emas di pusat jagaan warga emas walaupun bukan satu harapan bagi ibu bapa yang telah banyak berkorban dalam mengasuh, mendidik dan membesar kan anak namun ramai yang terpaksa menerima hakikat tersebut dan menyesuaikan diri di pusat jagaan. Kajian Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee (2013) mendapati bahawa warga emas berasa lebih gembira dan selesa menghuni rumah warga emas berbanding tinggal di rumah sendiri. Golongan ini berpuas hati dengan kemudahan kesihatan dan kemudahan penginapan yang disediakan. Begitu juga dengan kajian Thamil Chelvi & Suresh Kumar (2017) yang mendapati bahawa warga emas yang ditempatkan di Rumah Seri Kenangan amat berpuas hati berada di situ berbanding kehidupan yang dilalui sebelum menghuni di pusat jagaan tersebut. Golongan ini berasa amat selesa dengan kemudahan penginapan, tempat istirehat, sikap ambil berat dan kemesraan pihak pengurusan selain penjagaan kesihatan dan makan minum yang baik di pusat jagaan berkenaan.

Malah, kajian Amran Hassan, Asmah Ismail & Norbayah Ariffin (2013) mendapati bahawa kesunyian akibat kekurangan hubungan dengan elemen kerohanian atau spiritual mudah berlaku pada usia tua menyebabkan warga emas mengusahakan jalan mendekati Tuhan melalui amal ibadat dan melaksanakan aktiviti kerohanian bagi mendapatkan keberkatan. Situasi ini mampu mempengaruhi warga emas tatkala berada di pusat jagaan warga emas dan memaksimumkan kemudahan yang ada untuk tujuan tersebut. Pengaruh ini amat jelas dalam kajian Elmi Baharuddin dan Zainab Ismail (2013) terhadap warga emas di rumah kebajikan yang mendapati bahawa warga emas menyerahkan diri kepada ketentuan Allah SWT dan melakukan amal soleh dengan penuh keikhlasan dalam kehidupan sehari-hari. Golongan ini melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT. Penempatan mereka di rumah kebajikan membolehkan mereka memiliki kecerdasan rohaniah yang kuat dan membolehkan mereka aktif menjalankan amalan agama. Begitu juga dengan kajian Nor Raudah Siren (2015) yang mendapati bahawa warga emas yang memilih untuk tinggal di Kompleks Warga Emas al-Jenderami berasa lebih tenang kerana dapat menumpukan perhatian beribadat dan

mendekatkan diri kepada Allah S.W.T selain gembira menuntut ilmu agama bersama rakan sebaya.

Walau bagaimanapun, bukan semua anak dewasa yang gagal memikul tanggungjawab menjaga warga emas menempatkan warga emas di pusat jagaan bagi membolehkan mereka menghabiskan sisa-sisa kehidupan di situ. Bagi anak dewasa yang berhadapan dengan batasan peranan tetapi masih ingin memikul tanggungjawab untuk menjaga warga emas di hari tua maka golongan ini memilih pusat jagaan harian sebagai alternatif untuk mengatasi dilema penjagaan warga emas sementara mereka keluar bekerja. Kehadiran pusat jagaan harian membolehkan anak dewasa menghantar warga emas ke pusat jagaan tersebut sebagaimana tindakan mereka menghantar anak ke pusat jagaan harian untuk tujuan penjagaan dan perlindungan (Surina Nayan, 2006). Malah, tidak dinafikan bahawa terdapat warga emas yang memilih sendiri untuk tinggal di pusat jagaan harian.

Tidak kira sama ada pemilihan penempatan warga emas di pusat jagaan harian ditentukan oleh anak dewasa atau atas pilihan diri sendiri, tidak banyak yang diketahui tentang faktor-faktor yang mendorong pemilihan satu-satu pusat jagaan harian berbayar tertentu, kelebihan selain penerimaan warga emas terhadap pusat jagaan tersebut. Memahami kepentingan isu penjagaan warga emas dan jaminan kesejahteraan hidup mereka di hari tua maka adalah penting untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong warga emas untuk tinggal di pusat jagaan harian berbayar dan kelebihan yang diperoleh oleh warga emas di pusat jagaan tersebut. Selain itu, adalah penting juga untuk mengkaji tahap kepuasan yang diperoleh oleh warga emas terhadap pusat penjagaan harian tersebut dalam menjalani rutin sehari-hari. Kajian sebegini penting dalam menentukan sejauhmana pilihan terhadap satu-satu pusat jagaan harian berbayar memberi kesan positif kepada golongan ini seterusnya menjamin kesejahteraan hidup mereka di hari tua.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini dilakukan di Pusat Jagaan Rumah Ibuku Sayang Ar Rayyan, Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Temu bual berstruktur telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan segala maklumat yang diperlukan mengenai latar belakang warga emas, faktor-faktor yang mendorong warga emas untuk tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan, kelebihan yang diperoleh oleh warga emas di pusat jagaan tersebut dan kepuasan warga emas terhadap pusat jagaan tersebut. Sampel terdiri daripada dua puluh lima orang wanita dan beragama Islam yang tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Sampel ini meliputi warga emas yang tinggal secara harian, mingguan dan bulanan. Sampel ini dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Sampel dalam kajian ini adalah warga emas yang berumur 60 tahun ke atas. Temu bual berstruktur berbantuan soal selidik digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada warga emas yang dikaji.

Soal selidik dibahagikan kepada empat bahagian iaitu '*Latar Belakang Warga Emas*', '*Faktor-Faktor Yang Mendorong Warga Emas Tinggal Di Pusat Jagaan RIS Arrayyan*', '*Kelebihan Yang Diperoleh Oleh Warga Emas Yang Tinggal Di Pusat Jagaan RIS Arrayyan*' dan '*Kepuasan Warga Emas Terhadap Pusat Jagaan RIS Arrayyan*'. Bahagian '*Latar Belakang Warga Emas*' dalam soal selidik meliputi soalan berkaitan umur, status perkahwinan, pendidikan, pekerjaan terakhir, pekerjaan terakhir suami, pendapatan bulanan keluarga dan bilangan anak. Bahagian '*Faktor-Faktor Yang Mendorong Warga Emas Tinggal Di Pusat Jagaan RIS Arrayyan*', '*Kelebihan Pusat Jagaan RIS Arrayyan*' dan '*Kepuasan Terhadap Pusat Jagaan RIS Arrayyan*' terdiri

daripada soalan bagi mengukur faktor-faktor pendorong warga emas untuk tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan selain kelebihan dan kepuasan yang diperoleh oleh warga emas di pusat jagaan tersebut.

Hasil temu bual dengan warga emas, semua maklumat yang diberikan oleh mereka dicatatkan oleh pengkaji dalam borang soal selidik. Setiap temu bual berstruktur yang dilakukan bersama warga emas yang dikaji mengambil masa lebih kurang 30-45 minit. Setiap warga emas yang ditemu bual dimaklumkan bahawa semua maklumat yang disampaikan oleh mereka melalui sesi temu bual tersebut adalah sulit dan akan dirahsiakan. Kesemua maklumat yang diperoleh daripada temu bual dianalisis dan diuraikan secara deskriptif iaitu dengan menggunakan jadual kekerapan dan peratusan. Transkripsi temu bual digunakan untuk menyokong dapatan kajian yang diuraikan.

## DAPATAN KAJIAN

### i) *Latar belakang warga emas*

Jadual 1 menunjukkan latar belakang warga emas yang ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 8.0% warga emas yang dikaji berumur antara 60-65 tahun, 40.0% warga emas berumur 66-70 tahun dan 32.0% warga emas lagi berumur 71 tahun dan ke atas. Dapatan kajian mendapati umur terendah warga emas yang ditempatkan di sini adalah 62 tahun dan umur tertinggi adalah 77 tahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28.0% warga emas tidak pernah berkahwin dan 48.0% merupakan balu iaitu yang telah kematian suami. Selebihnya ialah 24.0% warga emas merupakan janda iaitu yang telah berpisah hidup dengan pasangan masing-masing. Dengan ini dapat dikatakan bahawa kesemua warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan merupakan golongan yang kesunyian di rumah. Dari segi tahap pendidikan, seramai 40.0% warga emas pernah bersekolah hingga tamat darjah enam, 8.0% bersekolah hingga tingkatan tiga menakala selebihnya iaitu 44.0% warga emas tidak pernah bersekolah. Namun demikian, didapati sejumlah 8.0% warga emas yang tidak menamatkan pengajian mereka di sekolah rendah dan hanya bersekolah hingga darjah tiga sahaja akibat kesempitan hidup. Warga emas yang tidak pernah bersekolah pula terdiri daripada yang tidak pernah bekerja dan hanya sebagai suri rumah sepenuh masa.

Jadual 1: Latar belakang warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan.

<b>Latar belakang warga emas</b>		<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratus (%)</b>
Umur (tahun)	60-65	2	8.0
	66-70	10	40.0
	70-75	8	32.0
	75 ke atas	5	20.0
Taraf Perkahwinan	Tidak pernah berkahwin	7	28.0
	Balu	12	48.0
	Janda	6	24.0
Tahap Pendidikan	Darjah 1-3	2	8.0
	Tamat darjah 6	10	40.0
	Tingkatan 1-3	2	8.0
	Tidak pernah bersekolah	11	44.0
Pekerjaan Terakhir	Awam	7	28.0
	Tidak bekerja	18	72.0
Pekerjaan Terakhir Suami	Awam	5	20.0

	Swasta	5	20.0
	Sendiri	8	32.0
Pendapatan Bulanan Keluarga	> RM750	19	76.0
	RM500 -750	6	24.0
Bilangan Anak	1-5	15	60.0
	6-10	2	8.0
	Tiada	8	32.0
Pilihan Tempoh Tinggal	Harian	3	12.0
	Mingguan	1	4.0
	Bulanan	21	84.0
Pilihan Pusat Jagaan Harian	Kehendak sendiri	18	72.0
	Cadangan oleh anak	6	24.0
	Cadangan oleh adik-beradik	1	4.0

n=25

Dari segi pekerjaan terakhir yang pernah dilakukan oleh warga emas pula didapati seramai 72.0% warga emas tidak pernah bekerja manakala 28.0% warga emas pernah bertugas dalam perkhidmatan awam. Bagi warga emas yang pernah bekerja dalam perkhidmatan awam, mereka menerima wang pencen setiap bulan. Kesemua warga emas yang terdiri dari bekas kakitangan kerajaan ini menyatakan bahawa mereka menggunakan wang pencen tersebut untuk membayar yuran di pusat jagaan ini. Menurut seorang warga emas:

*“...nasib baik laa mak cik ni dulu keja dengan kerajaan. Jadi cikgu kat sekolah rendah kat kampung dulu. Lepas tu cukup umur pencen, mak cik pun pencen... Dapatlaa duit pencen ni haa guna untuk bayar yuran kat sini. Dah tua-tua ni takde apa yang nak dibuat nakk.. beli pakai pon takde dah. Pakaian pun kadang-kadang ada orang bagi kat sini.. Kita dah tua ni takde nak melawalawanye... pikir buat ibadah jela...”*

Dari segi pekerjaan terakhir yang dilakukan oleh suami, maklumat daripada warga emas yang pernah berkahwin mendapati bahawa sebanyak 20% daripadanya merupakan isteri kepada bekas kakitangan awam, 20% swasta dan selebihnya 32% bekerja sendiri. Kesemua warga emas yang pernah berkahwin mengakui wang peninggalan suami sangat membantu kehidupan mereka pada masa sekarang.

Bagi pendapatan bulanan keluarga, majoriti warga emas iaitu sebanyak 76.0% mempunyai pendapatan bulanan keluarga lebih RM 750 sebulan manakala hanya 24.0% memperoleh pendapatan bulanan keluarga antara RM 500 hingga RM 750. Kebanyakan daripada warga emas ini tidak hanya bergantung kepada wang pencen sendiri dan suami tetapi terdapat juga antara mereka yang memperoleh pendapatan sampingan seperti hasil dari penyewaan rumah dan tanah di kampung selain bantuan anak. Bagi warga emas yang tidak pernah bekerja mereka bergantung sepenuhnya pada wang saraan suami dan juga hasil bantuan anak. Memandangkan warga emas di sini dikenakan yuran untuk tinggal di pusat jagaan maka mereka perlu mempunyai sumber kewangan tetap setiap bulan. Menurut seorang warga emas, wang saraan peninggalan arwah suami banyak membantunya untuk meneruskan kehidupan. Memandangkan beliau tidak mempunyai anak, maka hidupnya bergantung penuh kepada wang saraan arwah suaminya yang pernah bekerja sebagai kakitangan hospital. Menurutnya:

*“...mujur adala duit pak cik tinggalkan untuk mak cik nak idup ni... mak cik ni anak pon tak de. Tak de sape dah mak cik nak harapkan. Memang laa duit pak cik tak banyak mana. Tapi, cukup la mak cik nak pakai sorang. Mak cik dah tua ni tak de apa nak beli dah. Setakat makan minum aje... Makan minum sini pun tak payah bayar... sebab dah sekali dengan yuran kan... Duit pak cik tu bolehla mak cik guna buat bayar yuran duduk kat sini. Mak cik pun duduk bulan kat*

*sini... Kang dalam sebulan sekali mak cik balik la tengok rumah kat kampung tu..."*

Bagi warga emas yang tidak pernah bekerja serta tidak mempunyai kewangan peninggalan suami, mereka bergantung sepenuhnya pada bantuan anak-anak. Menurut seorang warga emas dalam kategori ini:

*"....yuran kat sini mak cik bayar guna duit anak-anak.. anak mak cik ada lima orang. Tiga kerja KL, satu Melaka, satu lagi sini... tiap-tiap bulan dia orang bagi kat mak cik. Tak pernah tak bagi. Alhamdulillah laa anak-anak mak cik semuanya bekerja. Senang la sikit mak cik sekarang... kalau ada lebih duit tu mak cik simpan. Kang nanti bila-bila masa anak-anak mak cik nak pakai, mak cik bagi la balik ..."*

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 60.0% daripada warga emas mempunyai bilangan anak antara 1 hingga 5 orang manakala bilangan anak antara 6 hingga 10 orang pula ialah sebanyak 8.0%. Selebihnya iaitu sebanyak 32% warga emas tidak mempunyai anak.

Dari segi pemilihan tempoh tinggal di pusat jagaan pula kajian mendapati sebanyak 84.0% warga emas di RIS Arrayyan memilih untuk tinggal secara bulanan manakala selebihnya iaitu sebanyak 12.0% memilih secara harian dan 4.0% secara mingguan. Berdasarkan jumlah tersebut ia jelas menunjukkan bahawa majoriti warga emas ini berasa lebih selesa untuk berada di pusat jagaan ekoran jumlah mereka yang tinggal secara bulanan agak tinggi berbanding tempoh tinggal yang lain. Daripada Jadual 1, didapati bahawa sebanyak 72.0% warga emas memilih sendiri untuk tinggal di RIS Arrayyan berbanding dengan 24.0% warga emas yang memilih pusat jagaan ini atas cadangan anak dan 4.0% warga emas yang memilih untuk tinggal di sini atas cadangan adik-beradik mereka.

## *ii) Dorongan untuk tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan*

Jadual 2 menunjukkan faktor-faktor yang mendorong penempatan warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Dorongan warga emas untuk ditempatkan di pusat ini mengambil kira tinggal secara harian, mingguan dan juga bulanan.

Jadual 2: Faktor-faktor pendorong warga emas ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan.

Faktor-faktor pendorong	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Kesunyian	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Keselamatan	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Pilihan sendiri	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Tidak mampu menggajikan pembantu rumah	0.0	44.0	12.0	44.0	0.0
Perselisihan faham dengan keluarga	88.0	4.0	0.0	8.0	0.0
Paksaan keluarga	96.0	4.0	0.0	0.0	0.0

n=2

Berdasarkan Jadual 2, kesunyian yang dirasakan di rumah merupakan antara faktor utama yang mendorong warga emas memilih untuk ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Kesemua warga emas yang dikaji sangat bersetuju bahawa penempatan mereka di Pusat Jagaan RIS Arrayyan ini adalah disebabkan faktor kesunyian yang dialami di rumah. Hal ini berlaku disebabkan anak sudah meningkat dewasa dan mencari haluan

hidup sendiri. Anak-anak juga meninggalkan ibu bapa setelah berkahwin dan bekerja mencari rezeki. Justeru, ibu bapa yang ditinggalkan oleh anak-anak dewasa ini berasa kesunyian lebih-lebih lagi apabila warga emas berkenaan sudah ditinggalkan pasangan masing-masing sama ada bercerai hidup mahupun bercerai mati. Menurut seorang warga emas:

*“Kalau kita duduk sorang tu fikiran kita berkecamuk ... macam-macam rasanya ... tak tau nak cakap. Bila dah duduk sini tu hilang ... kadang tu datang ... kadang tu bila balik, fikiran tu melayang ... Bila duduk sorang di rumah tu, hati mula runsing...fikirkan yang bukan-bukan ... Jadinya tak tenang.”(Mingguan)*

Seorang lagi warga emas menyatakan bahawa ia memilih untuk ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan kerana tidak mahu terus dibelenggu oleh kesunyian. Menurutnya:

*“...Mak cik dapat rasa duduk di sini hati mak cik lebih tenang ... kalau di rumah tinggal sorang-sorang tu mak cik akan rasa sedih ... menung sorang-sorang ... tau-tau nangis ... jadi, mak cik tak nak jadi lagi macam tu. Mak cik takn ak jiwa mak cik ni sedih lagi ... elok la duduk sini ... mak cik ada kawan-kawan untuk mak cik sembang. Tu dah cukup buat mak cik terhibur ...”(Bulanan).*

Faktor keselamatan turut mempengaruhi warga emas memilih untuk ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Semua warga emas yang dikaji juga sangat bersetuju bahawa faktor keselamatan turut diambil kira dalam memilih untuk ditempatkan di pusat jagaan tersebut. Menurut seorang warga emas, pola kehidupan zaman sekarang yang kurang mengenali jiran tetangga menyebabkannya tidak berasa selamat untuk tinggal seorang diri di rumah sementara anaknya keluar bekerja. Menurut seorang warga emas:

*“Anak mak cik tinggal kat rumah taman ... memang rumah sebelah-sebelah ... tapi, kadang tu kita pun tak tau siapa duduk sebelah, siapa duduk depan, belakang ... bila anak mak cik keluar kerja ... mak cik tinggal sorang ... kang kalau ada orang datang, buat niat jahat ke macam mana ... duk terpekk-pekk ... kang tak de sape nak datang tolong ... sebab orang zaman sekarang ni bukan ambik tau sangat. Diorang ni pegi keja ... balik keja ... memang susah nak nampak muka ...”(Mingguan).*

Malah semua warga emas yang dikaji juga mengatakan bahawa mereka ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan berdasarkan pilihan mereka sendiri. Pilihan yang dibuat oleh warga emas di sini turut mendapat sokongan dari keluarga masing-masing kerana berpendapat kehidupan di sini lebih selamat dan terjamin. Menurut seorang warga emas:

*“Kehendak sendiri kan ... lagipun sorang-sorang anak tak de kat rumah ... sape kita nak kawan. Kalau ada anak tu tak pela, cucu ke apa ... dia pegi keja kang balik malam dah masuk bilik dah.. besok pon camtu jugak ... abih kita jadi apa lama-lama ... asyik tengok tv jek lama-lama tak de.. apa nama... perubahan fikiran tu tak de ... kat sini dapat belajar tu ... belajar ni ... kalau duduk tak de buat apa kat rumah penyakit pun datang kan, runsing la kita. Bila datang sini happy la ...”(Bulanan).*

Walau bagaimanapun, bukan kesemua penghuni Pusat Jagaan RIS Arrayyan ditempatkan di sini kerana tiada waris yang dapat menjaga mereka. Ada dalam kalangan warga emas mempunyai adik beradik yang ramai dan

dipelawa untuk tinggal bersama. Namun demikian, warga emas berasa bahawa mereka lebih selesa untuk tinggal di pusat jagaan. Seorang warga emas menyatakan bahawa:

*“Saya tidak ada pendapatan keluarga, semua adik tanggung ... Dia kata ko nak duduk sini ko duduk jela ... sekarang ni duduk sini tetapla masa akan datang tak tau lagi ... duduk rumah tu kesorangan, adik tak kasi, kesunyian ... dia kata elok la kau duduk sini ada jugak kawan-kawan ... beribadat.. kiranya kau pun tenang dia kata. Duduk rumah kitorang pun tak boleh, tinggal sorang ... kadang kang aku balik opis aku tido. Kau tak de sape nak layan. Jadi saya sendiri yang mintak. Kata kat dia kau anta la aku ke mana-mana ... adik saya duduk KL semua. Saya ni masalah eh mak bela. Mak yang bela saya tu dah meninggal ...jadi rumah tu tinggal la saya sorang malam-malam kan ... keluarga adik bradik saya bagitau kau pegi la duduk mana-mana. Duduk sorang-sorang kang tak selamat dia kata ... rumah bukannya besar sangat. Yang takutnya malam. Apa-apa jadi ... kalau kau berani kau duduk la. Kalau tak berani ikhtiar la adik-adik kau tu nak duduk rumah dia ke ... ”(Bulanan).*

Selain itu, ketidakmampuan anak untuk menggajikan pembantu rumah juga mempengaruhi warga emas ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Sebanyak 44.0% warga emas bersetuju dengan menyatakan bahawa anak mereka tidak mampu untuk menggajikan pembantu rumah walaupun anak berhasrat untuk mengupah pembantu rumah bagi menemani ibu bapa sementara mereka keluar bekerja. Salah satu faktor penghalangnya adalah kos untuk mendapatkan pembantu rumah serta bayaran gaji bulanan yang agak tinggi menyebabkan hasrat tersebut terpaksa dibatalkan. Tambahan lagi, kekurangan kepercayaan terhadap pembantu rumah ekoran pelbagai cerita yang dilaporkan oleh media turut membatasi usaha tersebut. Seorang warga emas berkongsi pengalaman berkaitan perkara ini seperti di bawah:

*“Anak mak cik dulu ada cakap ... duduk dengan dia, nanti dia carikan orang gaji ... orang gaji untuk jaga mak cik je ... tak payah masak dia kata ... tapi dia dah tanya-tanya orang, katanya mahal ... nak ambik jek dah beribu ... belum gaji lagi ... gaji pun sekarang dah dekat seribu kan ... jadi dia kata tak mampu ... lagi pun dia kata orang indon ni bukan boleh caye sangat ... kang dideranya mak, dicuri barang, tak pasal-pasal ... tu dia tanya kawan-kawan, tau ada tempat ni ... dia masukkan la mak cik sini ... sini bayor baru seratus lebih kan ... boleh la dia kata. Dari bayo indon mahal-mahal, baik duduk sini. Ada jugak kawan-kawan ... mak cik pun tak kisah ... ”(Bulanan).*

Daripada Jadual 2, hanya 8.0% warga emas menyatakan bahawa mereka ditempatkan di sini kerana mereka berkecil hati dengan sikap anak-anak yang semakin dewasa. Seorang warga emas menyatakan bahawa ia ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan disebabkan perselisihan faham dengan anak-anaknya:

*“... mak cik ni anak tak ramai. Dua orang jer ... Dua-dua ada kerja. Kerja biasa jela ... Tak de la gaji besar sangat ... tapi ada la kerja ... Bila bincang nak bawak mak cik duduk sekali, mesti diorang gaduh. Semua tak kena. Yang adik suruh abang jaga ... sebab adik kata gaji abang lagi besor dari adik. Abang pulak kata sibuk ... selalu sangat outstation ... Tak dapat nak jaga mak selalu. Mak cik kecil hati sangat (sambil menangis) ... Sudahnya mak cik buat keputusan nak duduk jek sini. Kang kalau diorang nak tengok mak cik, datang la sini.. Kalau tak nak datang tengok pon tak pe ... mak cik tak kisah .... ”(Bulanan).*

Seorang lagi warga emas menyatakan bahawa ia sudah lama berkecil hati dengan anak-anaknya akibat insiden perebutan harta beberapa tahun dahulu. Menurutnya:

*“... anak-anak mak cik banyak dah tak sehaluan ... Lepas arwah suami mak cik meninggal, mak cik ada nak bagi harta la kan ... panggil anak-anak nak bincang pasal tanah ... arwah ayah diorang ... tapi semuanya tak nak sepakat. Tak puas hati semuanya ... memang anak-anak mak cik ni suka berbalah ... sampai ada yang merajuk bawak diri ... tu la mak cik duduk sini. Aman rasanya ... malas nak fikir pasal benda-benda tu lagi ... tanah tu mak cik namakan anak sulung. Nanti pandai-pandai la dia uruskan bila mak cik dah tak de kang ... memang pikir-pikir sedihkan ... tapi sampai bila nak sedih ... biar jelah dia ... ”(Bulanan).*

**iii) Kelebihan yang diperoleh oleh warga emas yang tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan**

Jadual 3 jelas menunjukkan pelbagai kelebihan diperoleh oleh warga emas yang tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Hasil temu bual dengan warga emas didapati terdapat pelbagai kelebihan diperoleh oleh warga emas yang tinggal di Pusat Jagaan RIS Arrayyan.

Jadual 3: Kelebihan Warga Emas Tinggal di RIS Arrayyan.

Kelebihan Warga Emas Tinggal Di Pusat Jagaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Kemudahan menuntut ilmu agama	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Kemudahan melakukan ibadah	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Susunan aktiviti pembelajaran yang efektif	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Mempunyai ramai kawan sebaya	0.0	0.0	0.0	16.0	84.0
Keselamatan lebih terjamin	0.0	0.0	0.0	24.0	76.0
Kemudahan kesihatan	0.0	0.0	0.0	28.0	72.0

n=25

Daripada Jadual 3 didapati bahawa semua warga emas sangat bersetuju dan menyatakan bahawa kelebihan berada di Pusat Jagaan RIS Arrayyan membolehkan mereka mempelajari ilmu-ilmu keagamaan dengan lebih baik. Kebanyakan warga emas menyatakan bahawa pada usia seperti ini adalah merupakan waktu terbaik untuk mereka mendalami ilmu agama. Terdapat dalam kalangan warga emas menyatakan bahawa sebelum ini mereka tidak mempunyai kesempatan untuk mempelajari secara lebih dekat ilmu-ilmu kerohanian akibat kesibukan bekerja dan menguruskan hal-hal rumah tangga termasuklah mendidik anak-anak. Menurut seorang warga emas:

*“... memang tujuan mak cik datang ke sini sebabnya nak belajar ilmu agama. Sebab kat sini banyak kelas-kelas agama. Mak cik dapat tau tempat ni dari anak mak cik yang duduk kat Seremban ni laa ... Duduk rumah pun tak de nak buat apa-apa.. Anak mak cik pergi kerja tinggal la mak cik sorang.. Tu yang mak cik datang sini ... anak-anak tolong daftarkan (tersenyum kecil) ... ”(Harian).*

Seorang lagi menyatakan:

*“... mak cik memang datang sini tujuannya nak belajar agama ... mula dulu mak cik ikut harian. Tapi tak lama tu mak cik duduk terus. Maknanya kira bulanan laa ... anak mak cik ada tiga orang tapi semuanya luar Negeri Sembilan. Kat rumah tak de sape-sape.. Lebih baik duduk sini. Lagipun senang mak cik nak tumpu pada kelas agama... ”(Bulanan).*

Selain itu, pihak pengurusan Pusat Jagaan RIS Arrayyan telah menyediakan banyak aktiviti bermanfaat bagi memenuhi jadual warga emas. Kelas-kelas agama yang

dikendalikan oleh tenaga pengajar berpengalaman dan tertumpu kepada ilmu-ilmu tauhid, fekah dan tasawuf. Kelas-kelas agama tersebut diketuai oleh tenaga pengajar yang bertugas di Madrasah atau jemputan khas dari luar. Kelas mengaji Al-Quran turut dijalankan secara berkumpulan dan membolehkan mereka mempelajari bacaan Al-Quran dengan sebutan, tajwid dan makhraj yang betul. Menurut seorang warga emas:

*“...mak cik datang sini sebab dapat tau kat sini ada belajar ilmu agama ... belajar ngaji ... belajar tajwid ... Kawan mak cik yang bagi tau kat mak cik mulanya ... Kat madrasah sebelah ni la asalnya mak cik datang. Madrasah selalu buat kelas agama ... lagi-lagi kalau bulan puasa. Lepas mak cik tau kat sini ada rumah khas untuk orang-orang tua ... mak cik pun buat keputusan nak daftar masuk. Mintak tolong anak mak cik uruskan semuanya.. Bila dah duduk sini lagi senang la mak cik nak ikut kelas-kelas agama. Setiap hari mak cik baca Quran. Tenang jek jiwa mak cik ni rasa... Ustaz pon ada tolong mak cik belajar ... senang sikit. Kalau salah baca ke, apa ke boleh dia tolong betulkan ... baca sorang-sorang ni kadang-kadang kita tak tau mana salah mana betul ...”(Harian).*

Seorang warga emas yang lain menyatakan:

*“Sebab nak belajar, nak berjemaah ... tu jer ... kalau sembahyang tu nak berjemaah, nak belajar tula.. Kalau duduk rumah tu dulu ada la orang teman, kita bayar la duit ... hehe ... masa orang rumah dah meninggal la mak cik ambik upah orang tu. Sampai la mak cik duduk sini baru orang tu berenti ... kita nak belajar ... yela kat sini boleh la kan nak pergi mesjid. Orang tu teman tido malam jer ... sebab siang tak takut dah ... kita rumah rapat-rapat. Rumah taman kan ... kita duduk sini seronok tapi tak penuh pun sebulan. Kalau anak datang ambik kita balik lah ... kalau cucu ajak, nenek balik la dua minggu, mak cik balik la ... selalunya cuti yang besar-besar la, macam cuti semester ke ...”(Bulanan).*

Jadual 3 juga menunjukkan bahawa semua warga emas juga turut mengakui berada di RIS Arrayyan memudahkan mereka untuk melakukan ibadah-ibadah wajib dan sunat dalam Islam. Kehidupan sebelum ini yang terlalu sibuk dengan urusan-urusan dunia ini terutamanya dalam hal membesarakan anak-anak menyebabkan mereka adakalanya tidak dapat untuk menumpukan perhatian kepada amal ibadah. Menurut kenyataan seorang warga emas, berada di pusat jagaan adalah satu ketenangan untuknya membuat amal ibadah kerana tiada gangguan dari cucu-cucu yang terpaksa dijaga ketika anak keluar bekerja. Warga emas tersebut menyatakan bahawa:

*“... kalau kek (kat) umah, mak cik kono (kena) jago (jaga) cucu. Anak mak cik kojo (kerja) laki bini. Diorang bukan takdo (tiada) duit nak upah pengasuh. Tapi diorang lobih (lebih) pecayoan (percayakan) mak cik laie (lagi) nak jago anak eh banding orang lain ... Yola ... kan sokarang (sekarang) memacam hal ... ado yang doghola (dera), puko (pukul) la ... tapi mak cik ponek (penat) nak ... Dah tetuo (tua-tua) macamni mak cik nak jugak rehat ... kokadang (kadang-kadang) mak cik nak solat pun susah ... cucu yang kochik (kecil) tu dipanjek-panjek (dipanjat-panjat) maso (masa) mak cik solat ... tak khusyuk dibuek (dibuat) eh ... Tula mak cik datang sini ... mak cik dudok tak jauh dari sini. Kang potang (petang) anak mak cik balik kojo diambil la mak cik kek (kat) sini ... Diorang tak kochik hati pun ... Mak cik cakap toghuih toghang (terus terang) nak duduk kek umah orang tuo (tua) ni sobab (sebab) kek sini ado belajar agamo ... sementagho (sementara) diorang poie kojo ... elok la mak cik dudok sini. Jadi diorang pon paham apo yang mak cik nak ...”(Harian).*

Kedudukan Pusat Jagaan RIS Arrayyan yang berdekatan dengan masjid dan surau membolehkan warga emas di sini melakukan solat secara berjemaah bersama rakan-rakan dan jiran-jiran berdekatan yang lain. Sebagaimana dikongsikan warga emas berikut:

*“... kat sini dekat dengan masjid, surau ... tiap malam Jumaat diorang bagi kami ikut kelas agama kat surau hujung tuu.. Mak cik baca Yassin, ikut kuliah dengan ustaz dari luar, solat jemaah dengan jiran-jiran.. jiran sini banyak Melayu. Diorang rajin datang surau ... mak cik suka la, ada jek aktivitinya ... petang-petang pulak ada kelas agama kat madrasah. Kat madrasah mak cik belajar fardhu ain, kifayah ... jadinya duduk sini mak cik rasa tenang. belajar agama lebih teratur ... sebabnya ada orang yang didik ... jiran pun ramai ...”*  
(Bulanan).

Hasil temu bual didapati keseluruhan warga emas berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak pengurusan Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Mereka mengakui berada di Pusat Jagaan RIS Arrayyan memberikan mereka satu ketenangan yang tidak pernah diperoleh selama ini. Kehidupan warga emas di pusat jagaan didapati lebih tenteram kerana mereka boleh melakukan amal ibadah seperti berpuasa sunat, membaca Al-Quran dan mendekatkan diri kepada Allah tanpa sebarang gangguan.

Menurut Jadual 3, semua warga emas amat bersetuju dan menyatakan bahawa kelebihan lain yang terdapat di pusat jagaan ini adalah susunan aktiviti pembelajaran yang efektif. Waktu pembelajaran warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan disusun secara efektif mengikut kesesuaian mereka di sana. Menurut seorang warga emas:

*“... kat sini aktiviti semua teratur nak ... Anak ustazah dengan ustazah yang rangka program kat sini. Diorang tak kedekut nak panggil ustaz-ustaz dari luar datang bagi kuliah kat Madrasah. Petang-petang kami akan belajar mengaji kat rumah ustazah sebelah ni ... Kadang-kadang saya pun tolong ajar ngaji sebab diorang yang mintak. Sebab saya dulu mengajar sekolah agama ... sedikit sebanyak fasih jugak.”* (Bulanan).

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, majoriti warga emas (84.4%) sangat setuju bahawa kelebihan lain yang terdapat di Pusat Jagaan RIS Arrayyan adalah mempunyai ramai rakan sebaya. Hal ini menyebabkan golongan ini dapat berkumpul bersama-sama dengan rakan seusia mereka malah membuatkan mereka selesa berada di kelompok yang sama. Menurut seorang warga emas:

*“... mak cik suka kat sini. Ramai kawan-kawan nak bual-bual ... bercerita kisah zaman muda dulu ... memang tak pernah sunyi. Kalau kat rumah kan ke sunyi ... anak-anak ada pun tak sama bual dengan kawan kat sini ... bila kita cakap kat rumah tu ada masa diorang layan ... ada masa macam diorang menyampah pun ada (sambil tergelak kecil) ... kawan-kawan mak cik kat sini semua best ... yela, ada yang sama nasib ... sama umur. Sama-sama paham ... kalau gaduh sikit-sikit tu biasalah ... kang lama-lama baik semula. Tak pernah pon bergaduh lama ... kalau sesekali balik ke rumah tu rasa rindu sangat nak jumpa semula kawan ...”*  
(Bulanan).

Seorang lagi warga emas menyatakan:

*“... kawan-kawan kat sini semuanya baik. Memang gembira la mak cik duduk sini. Bila kumpul ramai-ramai ada jek topik-topik perbualan kan ... Lebih-lebih lagi cerita kisah zaman muda mudi. Memang semuanya baru kenal masa baru masuk dulu. Tapi bila dah kenal tu senang nak serasi ... Perangai kawan-kawan buat mak cik tak rasa sunyi ... Gaduh manja-manja sekali sekala tu biasa la ... Tapi bila dah baik, akan jadi lebih baik dari sebelum ini ...”* (Bulanan).

Hasil kajian mendapati warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan juga diberi peluang untuk memasak dan bertukar-tukar juadah dengan rakan-rakan yang lain. Situasi ini dapat mewujudkan ukhwah yang akrab antara warga emas. Pada setiap hujung minggu pula, adakalanya ahli keluarga warga emas akan datang membawa buah tangan untuk diberikan kepada mereka. Lawatan ahli keluarga penghuni di pusat jagaan bukan sahaja dapat memberi kegembiraan kepada ahli keluarga terlibat tetapi turut memberi keceriaan terhadap warga emas lain. Hal ini kerana mereka dapat sama-sama meluangkan masa, berkenalan dan bersantai dengan ahli keluarga sahabat-sahabat mereka yang lain. Situasi ini dapat memberikan mereka lebih keceriaan kerana walaupun ada sesetengah warga emas tidak dapat menerima lawatan dari keluarga sendiri tetapi masih mampu untuk menumpang kegembiraan dengan keluarga sahabat yang lain.

Jadual 3 juga menunjukkan majoriti warga emas (76.0%) sangat setuju bahawa berada di pusat jagaan RIS Arrayyan dapat menjamin keselamatan mereka berbanding berada seorang diri di rumah. Jaminan keselamatan di pusat jagaan ini diutamakan melalui kelengkapan CCTV dan pintu pagar automatik. Penggera keselamatan juga dipasang bagi tujuan kecemasan dan dikawal oleh petugas di bahagian pentadbiran. Menurut seorang warga emas:

*“... Suami mak cik dah meninggal dalam sembilan bulan lepas ... dulu kat rumah sebelah mak cik di Ampangan tu ada rumah kena samun. Habis kaki tangan kena ikat. Barang-barang dalam rumah habis penyamun sapu ... mujur la jiran mak cik tu tak diaapa-apakan. Tapi lepas kes tu mak cik jadi takut duduk sorang. anak-anak mak cik kerja kat KL. anak-anak mak cik la yang bagi tau kat sini ada rumah kebajikan berbayar untuk orang tua. Mak cik pun setuju jek masa dia kata pasal rumah ni.. kat sini mak cik rasa selamat sangat. Takde la duduk sorang lagi. Mak cik balik tengok rumah masa hujung minggu jek ... masa anak-anak ada. Kalau diorang sibuk tak dapat balik, mak cik pun tak balik laa ... ”(Mingguan).*

Seorang lagi menyatakan:

*“... memang mak cik suka duduk sini sebab ramai orang ... kat rumah tu kadang-kadang ada jugak adik mak cik datang jenguk. Tapi dia kadang-kadang sibuk. Mak cik takut jugak duduk rumah sorang-sorang ... Takut pencuri ke, perompak ke ... duk sini terjamin laa ... ”(Bulanan).*

Hasil kajian juga mendapati Pusat Jagaan RIS Arrayyan menawarkan perkhidmatan untuk menghantar warga emas ke mana-mana destinasi berhampiran bagi sebarang tujuan rasmi termasuklah urusan pengeluaran atau menyimpan wang di institusi kewangan. Justeru, keselamatan warga emas adalah lebih terjamin berbanding pergerakan sendiri tanpa pengawasan.

Berdasarkan Jadual 3, majoriti warga emas (84.4%) sangat setuju bahawa kelebihan lain yang terdapat di Pusat Jagaan RIS Arrayyan adalah kemudahan kesihatan. Hasil kajian mendapat bahawa pusat jagaan ini menerima lawatan dari kakitangan Klinik Kesihatan berhampiran untuk melakukan pemeriksaan kesihatan terhadap warga emas di sini. Menurut seorang warga emas:

*“... tu adik bagi tau kau nak duduk sana pegilah. Kang kalau nak balik bagi tau ... sini pun klu sakit doktor datang kan ... cek darah tinggi. Dr kerajaan dari klinik Ampangan tu ... kalau tak larat kang kerani bawak. Tu jela. Lain-lain tak de apa la ... ”(Mingguan).*

Menurut seorang lagi warga emas:

“...kat sini tak susah ... senang. Sebab ada orang kesihatan datang ... sebab mak cik ni ada kena cek kesihatan tiap bulan tu. Kat sini senang la. Tak payah mak cik pegi klinik lagi. Dah ada yang datang kat kita pulak.” (Bulanan).

#### iv) **Kepuasan warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan**

Jadual 4 jelas menunjukkan kepuasan warga emas terhadap Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Hasil temu bual dengan warga emas didapati bahawa secara keseluruhannya golongan ini sangat berpuas hati dan selesa berada di pusat jagaan RIS Arrayyan

Jadual 4: Kepuasan Warga Emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan.

Penerimaan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Hati berasa lebih tenang	0.0	0.0	0.0	0.0	100.0
Pusat jagaan memberikan lebih keseronokan	0.0	0.0	0.0	4.0	96.0
Berpuas hati dengan aktiviti	0.0	0.0	0.0	8.0	92.0
Tinggal terus di pusat jagaan	4.0	20.0	32.0	8.0	36.0
Kemudahan asas yang baik	0.0	4.0	0.0	52.0	44.0

n=25

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, kesemua warga emas yang dikaji sangat bersetuju dengan menyatakan bahawa berada di Pusat Jagaan RIS Arrayyan merupakan satu ketenangan yang tidak dapat dirasai berbanding berada di rumah. Menurut seorang warga emas:

“... duduk kat sini mak cik rasa tenang. Dekat dengan surau, dengan masjid ... Bila masuk waktu ... kita boleh dengar azan ... surau bukak ngaji pun kita boleh dengar ... kat sini kami solat berjemaah ramai-ramai dengan kawan-kawan. Kalau kat surau boleh solat dengan kawan-kawan kat luar ... Kalau hujan tak dapat ke surau mak cik solat dalam rumah jek dengan kawan-kawan. Sampai waktu ngaji, kami ngaji sekali. Kalau duduk rumah ... kan banyak benda nak kena buat ... basuh kain, lipat kain, layan cucu ... duduk sini kalau lipat kain pun kain baju mak cik jek ... tak banyak. lepas tu tak payah nak layan cucu. Senang ... nak buat apa tak de orang ganggu ... sebulan sekali mak cik boleh khatam Al-Quran ... perasaan mak cik memang tenang sangat-sangat banding dulu-dulu ...” (Bulanan).

Seorang lagi warga emas menyatakan:

“... duduk sini mak cik ghaso sonang sumo urusan eh... mak cik dapek tumpukan perhatian pada hal-hal agamo dongan tonang ... takdo sapo nak kacau ... kalau dah hari-hari poie solat jemaah, donga ceramah, masuk kelas mengaji, jadi eh hati mak cik ni tonang... tontoram ... lapang dado... memang maso-maso sokarang ni takdo apo laie nak dibuek nak ... selain cari kotonangan bodopan dengan Allah... mak cik ni dah tuo ... bilo-bilo maso dah ditotapkan mak cik poie jugak ...”(Bulanan).

Menurut seorang lagi warga emas:

“... Alhamdulillah la ... sojak mak cik duduk sini mak cik ghaso lapang dado ... sojak pakecik ninggal dulu memang mak cik ghaso sodih bona... selalu monaghish ... takdo toman ... sekali sekalo anak balik tu adalah ghaso riuh ... kang dah balik sumo eh sunyi balik.. tu mak cik nak duduk sini ... hari-hari mak cik ikut kelas agamo ... jadi mak cik takdo maso dah mikir bondo-bondo sodih laie ... eloklah

*dudok sini ... kalau buleh memang tak goma dah ngingat-ngingat laie bondo-bondo yang sodih-sodih tu ...nak tonang yo..” (Bulanan).*

Berdasarkan Jadual 4, majoriti warga emas (96.0%) yang dikaji berasa sangat gembira dan seronok berada di Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Golongan ini gembira menjalankan aktiviti yang berfaedah lebih-lebih lagi dapat bersama dengan rakan-rakan seusia mereka. Hal ini dapat mewujudkan ukhwah yang akrab antara mereka. Perasaan gembira berada di sini dikongsikan oleh seorang warga emas seperti berikut:

*“... dulu mula-mula mak cik datang sini rasa macam sedih jugak. Mak cik ni pendiam. Tak banyak cakap. Mula-mula masuk dulu mak cik selalu duduk sorang-sorang. Mak cik tak suka sangat nak cakap-cakap dengan kawan lain. Yelaa... sebab tak kenal... Tapi, lama-lama bila dah kenal mak cik rasa seronok ... kawan-kawan semuanya ok. Yela ... sama-sama tua. Sama-sama paham perasaan masing-masing kan ... jadi tuu ... kalau ada mak cik pendam-pendam masalah tuu, mak cik cerita la kat kawan yang betul-betul rapat dengan mak cik ... lapang laa sikit hati mak cik. Kadang-kadang cerita kisah masa muda ... seronok la. Gelak sama-sama ... tak de la sunyi macam duduk kat rumah ...” (Bulanan).*

Seorang lagi warga emas menyatakan:

*“... mak cik datang sebab bosan duduk rumah nak ... memang sebelah rumah tu ada jiran-jiran. Tapi fahamlah duduk kat bandar ni, bukan bercampur sangat dengan orang. Dapat tau pulak kat sini ada belajar agama ... haaaa lagi lah mak cik suka. Dahla ramai kawan, ada belajar agama pulak tu ... memang suka la sangat. Rasa gembira banding sebelum ni.” (Bulanan).*

Menurut seorang lagi warga emas:

*“... memang kawan kat sini baik.. Tupun sebab saya suka duduk sini. Yelaa ... duduk rumah siapa jek yang ada. Elok la duduk sini. Sekurang-kurangnya kalau kita sedih ada yang tolong gembirakan ...” (Bulanan).*

Merujuk Jadual 4, didapati bahawa 92.0% warga emas sangat setuju dan menyatakan bahawa mereka amat berpuas hati dengan aktiviti yang diadakan oleh pihak pengurusan Pusat Jagaan RIS Arrayyan. Menurut mereka pelbagai program diatur secara tersusun bertujuan untuk memenuhi keperluan rohaniah warga emas di situ. Program dan jadual yang padat membuatkan warga emas tidak pernah bosan dan berasa lebih gembira tinggal di pusat jagaan. Menurut seorang warga emas:

*“... kat sini aktiviti semuanya lengkap. Setiap hari ada je programnya. Dari pagi sampai malam. Cuma Rabu jek aktiviti sendiri. Mak cik paling suka aktiviti berzanji. Berzanji buat kat surau. Nanti kat surau tu ramai ... boleh jumpa dengan kawan ... jiran-jiran ... kelas kuliah pulak belajar dengan ustaz kat madrasah. Ada belajar ngaji, kuliah kitab ... macam-macam lagi la ... duduk dekat sini mak cik rasa dekat dengan Allah ... takde dah pikir pasal hal dunia lagi.. jadual ustazah susun tu padat.. semuanya best-best laa ... kalau misal kata mak cik cuti balik kampung, ikut anak-anak pergi melancung ke, mak cik rasa sayang sangat ... sebab banyak benda mak cik tertinggal nanti ...” (Bulanan).*

Seorang lagi warga emas menyatakan:

*“... Secara keseluruhan mak cik memang puas hati sangat. Aktiviti kat sini penuh setiap hari. Kecuali hari Rabu jek diorang bagi kami ni rehat. Duduk rumah buat aktiviti sendiri. Tapi tula kalau dah terbiasa buat aktiviti, tak de aktiviti pun*

*macam ada ... mesti ada benda yang nak dibuat dengan kawan-kawan ni ... (Harian).*

Jadual 4 turut menunjukkan bahawa sebanyak 44.0% sangat setuju dan 52.0% setuju dengan mengatakan bahawa kemudahan asas yang disediakan di pusat jagaan ini sangat selesa dan memenuhi keperluan warga emas. Golongan ini berpuas hati dengan kelengkapan yang disediakan termasuklah tempat belajar, ruang solat, tempat tidur, dapur, bilik air, ruang tamu dan laman santai. Bagi warga emas yang memerlukan rawatan kesihatan kecemasan, pihak pengurusan RIS Arrayyan ada menyediakan pengangkutan untuk menghantar dan mengambil mereka ke klinik-klinik berhampiran. Kemudahan pembelajaran di madrasah juga dilengkapi dengan penghawa dingin dan membolehkan mereka mengikuti kelas-kelas pengajian dalam keadaan yang selesa. Selain madrasah, pengurusan RIS Arrayyan juga menyediakan satu lagi unit kediaman untuk digunakan oleh warga emas wanita untuk belajar mengaji dan memasak.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Fenomena meninggalkan ibu bapa yang tua di pusat jagaan harian kini sudah menjadi satu *trend* yang dilakukan oleh sesetengah anak dewasa. Tidak kira warga emas ini ditempatkan di pusat-pusat jagaan oleh anak dewasa atau warga emas sendiri memilih untuk ditempatkan di sini, isu penjagaan warga emas ini tetap dilihat sebagai satu perkara yang serius. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti faktor pendorong warga emas ditempatkan di pusat jagaan harian dan kelebihan yang diperoleh oleh golongan ini setelah tinggal di situ. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kepuasan warga emas terhadap pusat penjagaan dalam menjalani rutin sehari-hari.

Hasil kajian ini mendapati semua warga emas yang ditempatkan di Pusat Jagaan RIS Arrayyan merupakan wanita yang sama ada ada tidak pernah berkahwin, balu dan janda. Golongan ini juga tidak ramai mempunyai taraf pendidikan tinggi dan yang menamatkan pengajian hingga tingkatan tiga hanyalah dua orang. Majoriti daripada warga emas ini tidak pernah bekerja. Tanpa mengambil kira warga emas yang tidak pernah berkahwin, didapati majoriti warga emas mempunyai 1-5 orang anak.

Hasil kajian juga mendapati bahawa faktor kesunyian merupakan antara penyebab utama yang menempatkan mereka di pusat jagaan harian RIS Arrayyan. Apabila anak-anak sudah menjelang dewasa mula meninggalkan ibu bapa. Ibu bapa yang ditinggalkan akan berasa kesunyian. Oleh itu, mereka ditempatkan di pusat jagaan harian untuk mengelakkan kesunyian. Selain itu, anak-anak dewasa yang sudah bekerja kebanyakannya tinggal di bandar-bandar dan meninggalkan ibu bapa di kampung. Walaupun terdapat anak yang membawa ibu bapa tinggal bersama namun mereka terpaksa juga meninggalkan ibu bapa bersendirian waktu siang hari ketika keluar bekerja. Keadaan lebih buruk jika mereka ditinggalkan tanpa teman dan pengawasan dari orang lain. Dalam hal ini, faktor keselamatan juga mempengaruhi dorongan penempatan warga emas di pusat jagaan berkenaan.

Tambahan lagi, desakan ekonomi yang dihadapi oleh anak dewasa pada masa kini juga menyebabkan mereka tidak mampu untuk menggajikan pembantu rumah memandangkan kos untuk mendapatkan pembantu rumah kini sudah semakin tinggi. Begitu juga faktor gaji bulanan untuk pembantu rumah pada waktu sekarang adalah agak tinggi menyebabkan anak-anak terpaksa membuat pilihan menempatkan orang tua mereka di pusat jagaan. Pada masa yang sama, hasil kajian juga mendapati bahawa warga emas juga rela tinggal di pusat jagaan kerana berasa lebih seronok disebabkan ramai kawan dan

keselamatan mereka juga terjamin. Malah, mereka juga dapat mempelajari pelbagai perkara berkaitan agama dan dapat memenuhi waktu mereka dengan aktiviti bermanfaat di pusat jagaan.

Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Noraini Che' Sharif, et al. (2015) dan Surina Nayan (2006) yang mendapati faktor kerjaya anak sebagai kekangan kepada soal penjagaan ibu bapa di rumah. Kajian ini juga selaras dengan kajian Thamil Chelvi dan Suresh kumar (2017) yang mendapati bahawa ketidakmampuan ahli keluarga untuk menjaga warga emas di samping masalah kesihatan warga emas yang memerlukan penjagaan rapi mendorong penempatan warga emas di pusat jagaan warga emas. Malah, kajian ini juga konsisten dengan kajian Khadijah Alavi & Rahim M. Sail (2010) yang turut menekankan tahap kesihatan ibu bapa selain kekangan personal yang dihadapi oleh anak dalam mempengaruhi penempatan warga emas di pusat jagaan.

Hasil kajian ini juga mendapati semua warga emas di Pusat Jagaan RIS Arrayyan sangat berpuas hati dan menerima secara positif kehidupan mereka di pusat jagaan harian selain berasa bahawa pilihan mereka adalah tepat. Pada usia ini warga emas ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap ilmu-ilmu akhirat yang bakal menjadi bekalan kepada mereka apabila sudah meninggal dunia kelak. Pada usia sebegini juga, warga emas ingin melakukan amal ibadah dan tidak lagi mengejar harta duniawi. Warga emas juga berasa bahawa kehidupan mereka di pusat jagaan ini lebih terjamin dari segi keselamatan berbanding tinggal seorang diri di rumah. Selain itu, mereka juga berasa lebih gembira dan seronok kerana di pusat jagaan harian warga emas mereka dapat berkumpul bersama-sama rakan seusia mereka dan hal ini mewujudkan ukhwah yang akrab antara mereka.

Memandangkan keseluruhan warga emas dalam kajian ini adalah merupakan wanita beragama Islam sudah tentu kesemuanya amat selesa dengan aktiviti di pusat jagaan yang banyak menerapkan nilai-nilai keagamaan. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga selaras dengan kajian Amran Hassan, et al. (2013) yang mendapati bahawa warga emas yang kesunyian akibat kurangnya hubungan dengan elemen kerohanian atau spiritual pada usia tua akan mencari jalan mendekati Tuhan dengan melakukan amal ibadat dan melaksanakan aktiviti kerohanian bagi mendapatkan keberkatan. Malah, hasil kajian ini juga didapati selaras dengan Nor Raudah Siren (2015) yang menyatakan bahawa warga emas di pusat jagaan memiliki matlamat yang sama iaitu mencari ketenangan hidup bagi melaksanakan ibadat dengan lebih tenteram seperti membaca Al-Quran, berpuasa sunat, berzikir dan bermunajat kepada Allah di samping mempelajari ilmu agama dengan lebih mendalam. Selain itu, persekitaran tempat tinggal bersama komuniti rakan sebaya turut memberi keselesaan dari segi perhubungan, pemahaman dan persamaan matlamat. Kajian ini juga konsisten dengan kajian Elmi Baharuddin & Zainab Ismail (2013:24) yang mendapati penempatan warga emas di pusat jagaan membolehkan mereka memiliki kecerdasan rohaniah yang tinggi selain membolehkan mereka melakukan amal soleh dengan penuh keikhlasan dan menyerahkan diri kepada ketentuan Allah S.W.T.

Kajian ini memperlihatkan beberapa implikasi bagi memastikan kebajikan warga emas ini sentiasa terpelihara. Pertama, desakan ekonomi yang menjadi isu terhadap ketidakmampuan anak-anak dewasa untuk menjamin penjagaan ibu bapa perlulah ditangani dengan baik. Berdasarkan temu bual dengan warga emas, didapati bahawa kebanyakannya anak dewasa sememangnya ingin menjaga orang tua mereka di rumah tetapi disebabkan kos sara hidup yang agak tinggi menyebabkan ia tidak mampu untuk dilaksanakan. Maka, warga emas terpaksa ditinggalkan di kampung sementara anak-anak dewasa keluar bekerja dan tinggal di bandar. Hasil temu bual tersebut juga mendapati bahawa terdapat juga anak dewasa yang berhasrat untuk membawa ibu bapa tinggal bersama namun disebabkan kekangan pendapatan menyebabkan mereka tidak dapat mengajukan pekerja bagi

menemani orang tua mereka. Justeru, dengan mewujudkan lebih banyak pusat jagaan harian warga emas maka sedikit sebanyak dapat membantu golongan ini merealisasikan impian untuk membawa warga emas mereka tinggal bersama.

Selain itu, pihak kerajaan juga perlu memperbanyakkan lagi pusat jagaan harian warga emas. Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) oleh kerajaan juga merupakan salah satu langkah yang bijak bagi membolehkan warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti selain membolehkan mereka berpeluang untuk melakukan pelbagai aktiviti berfaedah. Ia sekaligus dapat meningkatkan kualiti hidup warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif. Namun begitu, oleh sebab PAWE tidak menyediakan tempat untuk warga emas menetap secara mingguan atau bulanan maka usaha boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mewujudkan pusat jagaan harian bagi menempatkan warga emas secara harian, mingguan dan bulanan dengan bayaran minimum. Melalui kaedah ini ia dapat memberi pilihan kepada warga emas untuk tinggal mengikut tempoh yang diingini terutamanya apabila anak-anak bertugas di luar kawasan atau berada di luar negara atas urusan kerja.

Peruntukan berbentuk subsidi perlu diberikan oleh kerajaan kepada anak-anak dewasa yang menghantar orang tua mereka ke pusat jagaan harian. Hal ini dapat mengurangkan beban anak dewasa sekaligus menyedarkan mereka bahawa betapa pentingnya menjaga ibu bapa dengan sempurna disamping memikul tugas atau kerja yang sedia ada. Selain itu, dorongan perlu diberikan kepada usaha perseorangan atau pertubuhan bukan kerajaan yang membuka pusat-pusat jagaan harian warga emas. Golongan ini juga perlu diberi galakan seperti pemberian intensif bulanan bagi menampung perbelanjaan di pusat jagaan termasuklah kos makan dan minum, aktiviti harian dan lain-lain keperluan warga emas yang ditempatkan di pusat jagaan tersebut. Di samping itu, latihan juga perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha pusat jagaan harian di negara ini agar mereka dapat menguasai kemahiran yang lebih tinggi untuk menggendarikan warga emas selain menyediakan aktiviti bermanfaat kepada golongan tersebut. Selain itu, memandangkan tidak banyak pusat jagaan harian khusus untuk warga emas lelaki di negara ini maka penubuhan pusat jagaan warga emas lelaki juga adalah sama pentingnya dengan penubuhan pusat jagaan warga emas wanita.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi. Pertama, kajian ini hanya dijalankan di sebuah pusat jagaan swasta sahaja dengan saiz sampel yang kecil. Kajian melibatkan beberapa pusat jagaan dengan saiz sampel yang besar mampu memberi dapatan yang lebih menarik. Kedua, kajian ini hanya memfokuskan kepada pusat jagaan swasta. Oleh itu, kajian perbandingan antara pusat jagaan warga emas swasta dan kerajaan juga mampu memberi dapatan yang menarik dalam pelbagai aspek. Ketiga, kajian ini hanya mengambil kira pusat jagaan warga emas daripada etnik Melayu sahaja. Kajian perbandingan etnik dalam hal ini dapat mengenalpasti perbezaan dorongan penempatan dan kepuasan mereka terhadap pusat jagaan sebegini. Kajian ke atas pusat jagaan yang menempatkan warga emas berlainan bangsa juga adalah perlu bagi mengenalpasti aktiviti yang bersesuaian mengikut keperluan agama masing-masing. Maka, kajian pada masa akan datang harus mengambil kira perkara-perkara tersebut.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kekangan yang dihadapi oleh sesetengah anak dewasa (khususnya yang bekerja) untuk menjamin keperluan penjagaan dan perlindungan warga emas di hari tua diambil alih oleh pusat jagaan harian pada masa kini. Namun demikian, bukan semua penempatan warga emas di pusat jagaan harian dilakukan atas keputusan anak dewasa.

Warga emas juga mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan dan memilih untuk ditempatkan di pusat jagaan harian tertentu. Pemilihan pusat jagaan harian dalam hal ini amat bergantung kepada keperluan dan kehendak warga emas. Pemilihan pusat jagaan yang tepat dan sesuai dengan aspirasi warga emas penting menjamin penjagaan, perlindungan, keselamatan dan kebajikan warga emas di hari tua. Pemilihan pusat jagaan harian yang tepat dan sesuai mampu memberi sokongan sosial yang kukuh dan menjamin kesejahteraan hidup golongan ini di hari tua. Walau bagaimanapun, pusat jagaan harian perlu dilihat oleh anak dewasa sebagai pusat sehenti (*one stop center*) atau jalan alternatif untuk membantu penjagaan dan perlindungan warga emas sementara keluar bekerja. Anak dewasa masih perlu memikul tanggungjawab menjaga dan melindungi ibu bapa sebagai membala jasa dan pengorbanan mereka.

## **RUJUKAN**

- Abdul Aziz Jemain, Lukman Z. Mohamad & Wan Norsiah Mohamed. (2001). Kesejahteraan hidup di hari tua. *Jaminan Sosial Warga Tua*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Amran Hassan, Asmah Ismail & Norbayah Ariffin. (2013). Konsep model dan faktor berlakunya kesunyian @ loneliness di kalangan warga emas. *Jurnal kebajikan Masyarakat*, 39, 92-103.
- Arena Che Kasim & Shukriah Che Kasim. (2001). Tanggungjawab anak terhadap warga tua menurut perspektif Islam. Dalam Abdul Aziz Jemain, Lukman Z. Mohamad & Wan Norsiah Mohamed (2001). *Jaminan Sosial Warga Tua*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Asnarulhadi Abu Samah, Nobaya Ahmad, Abd. Halin Hamid, Ma'rof Redzuan, Mohamad Bagat & Amna Md Noor. (2008). Sokongan sosial yang diharapkan dari family oleh warga tua Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 5, 144-156.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. (2013). Hubungan kecerdasan rohaniah warga tua dengan amalan agama di rumah kebajikan. *Islamiyyat*, 35(1), 19-28.
- Khadijah Alavi & Rahim M. Sail. (2010). Peranan wanita Melayu dalam proses penjagaan ibu bapa tua: Dilema dan cabaran dalam era globalisasi. *Kajian Malaysia*, 28(2), 71-105.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (2016). Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia 2016. Putrajaya: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Penerbitan/Buku%20Perangkaan/Perangkaan%202016.pdf>
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2015). <http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20JKM%202015%20E2%80%A2Final.pdf>
- Noraini Che' Sharif, Khadijah Alavi, Ponnusamy Subramaniam & Zainah Ahmad Zamani. (2015). Pengalaman dan faktor pengabaian warga emas dalam komuniti. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 10(1), 118-134.
- Norisma Aiza Ismail, Nurizan Yahya & Tengku Aizan Tengku Abd. Hamid. (2008). Sokongan sosial di kalangan wanita miskin lewat usia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 5, 195-206.
- Nor Raudah Siren. (2015). Psikologi dan Penerimaan Warga Emas di Kompleks Warga Emas al-Jenderami. *Jurnal Usuluddin*, 41(Januari-Jun), 73-93.
- Rahimah Abdul Aziz. (2001). Perubahan populasi warga tua, perkhidmatan penjagaan dan implikasi dasar. Dalam Abdul Aziz Jemain, Lukman Z. Mohamad & Wan Norsiah Mohamed (2001). *Jaminan Sosial Warga Tua*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Shalini Sanmargaraja & Seow Ta Wee. (2013). *Pandangan warga tua di rumah warga tua: Kajian kes di bandaraya Ipoh dan Johor Bahru*. Kertas Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar kali ke-4, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Surina Nayan. (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- Surina Nayan (2006). Keprihatinan yang luntur terhadap warga emas. *Jurnal Intelek*, 4(1), 95-105.
- Thamil Chelvi & Suresh Kumar N Vellymalay. (2017). Dorongan penempatan dan keselesaan diri warga tua di Rumah Seri Kenangan (RSK), Taiping, Perak. *E-bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 90-109.
- United Nations. (2009). World population ageing 2009. Department of Economics and Social Affairs, Population Division. [http://www.un.org/esa/population/publications/WPA2009/WPA2009\\_WorkingPaper.pdf](http://www.un.org/esa/population/publications/WPA2009/WPA2009_WorkingPaper.pdf)
- Usman Yaakob. (2001). Peranan keluarga dalam penjagaan warga tua di Malaysia. *Jaminan Sosial Warga Tua*. Petaling Jaya: Prentice Hall Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Wook Endut & Fariza Ahmad (2009). Prospek permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan warga tua. *Jurnal Prosiding Perkim IV, Jilid 1*: 338-353.
- Zainon Ghazaley & Azlinda Azman. (2013). Penentu interaksi dan sokongan sosial sebagai kesejahteraan psokososial warga tua. *International Journal of Social Policy and Society*, 10, 110-130.

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **AZURA TAMAT**

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
[azuratamat@yahoo.com](mailto:azuratamat@yahoo.com)

### **SURESH KUMAR N VELLYMALAY (PHD)**

Pensyarah Kanan  
Bahagian Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh  
Universiti Sains Malaysia  
[suresh@usm.my](mailto:suresh@usm.my)